

Ajaran Sesat dalam Kalangan Masyarakat Islam di Pulau Pinang pada 1970-1990

Muhammad Iqbal Bin Mansor

Sekolah Menengah Kebangsaan Gemilang, Jalan Padang Benggali,
Teluk Air Tawar Kampung Benggali, 13100 Butterworth, Pulau Pinang, Malaysia
email: imuhd52@gmail.com

Published: 13 December 2024

To cite this article (APA): Mansor, M. I. (2024). Ajaran Sesat dalam Kalangan Masyarakat Islam di Pulau Pinang pada 1970-1990. *Munsyi Jurnal Pengajian Sejarah*, 2(2), 27–38. <https://doi.org/10.37134/munsyi.vol2.2.3.2024>

Abstrak

Makalah ini membincangkan ajaran sesat yang muncul dalam sejarah masyarakat Islam di Pulau Pinang sepanjang tahun 1970-1990. Perbincangan ini bertumpu kepada ajaran yang bertentangan dengan al-Quran dan Sunnah dan tindakan yang diambil oleh seperti Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada metodologi kajian sejarah. Sehubungan itu, perbincangan yang dikemukakan adalah hasil daripada analisis kepada sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer yang digunakan adalah fail pentadbiran dan dokumen undang-undang. Hasil kajian mendapati ajaran sesat di Pulau Pinang mempunyai ciri yang jelas bertentangan dengan Islam, disebarluaskan secara tersembunyi dan menarik pengikut yang mempunyai pemahaman agama Islam yang cetek. Tindakan untuk membendung masalah ajaran sesat ini dilaksanakan oleh MAINPP, namun hukumannya adalah ringan. Penelitian terhadap sejarah kemunculan ajaran sesat diharap memberikan maklumat penting tentang ancaman kepada agama Islam dan sejauhmaka kesannya kepada masyarakat Islam dari semasa ke semasa. Ciri-ciri ajaran sesat yang dibincangkan di dalam makalah berpotensi menganggu kestabilan sosial masyarakat Islam.

Keywords: Ajaran Baru Crypto, Ajaran Tarekat Baru, Ajaran Taslim, Ajaran Tebus Dosa, Tarekat Roket & Kursus Hakikat

Abstract

This paper provides an overview of the history of the deviant teachings that emerged within the Muslim community in Penang between 1970 and 1990. The discussions centers on the key groups that had disseminated doctrines that oppose the Quran and Sunnah in Penang. It also demonstrates the measures implemented by Penang State Islamic Religious Council (MAINPP). This research utilizes historical research methodology as its foundation. In this context, the presented discussion stems from an analysis of both primary and secondary sources. The main sources utilized are legal documents and administrative records. The findings indicate that the the deviant teachings in Penang distinctly opposed the true Islamic teaching and were disseminated discreetly among those with a limited knowledge of Islamic

teaching. Actions to mitigate these deviant teachings were undertaken by MAINPP, yet the penalties were mild. Study on deviant teachings is the key to understanding the disruption and recalibration of society that occurs from time to time. Some traits present in this paper can potentially cause social disruption.

Keywords: New Crypto Teachings, New Tareqat Teachings, Teaching of Taslim, Teachings of Sin Redemption, Tarekat of Rocket and Pursue of Truth

Pengenalan

Gerakan ajaran yang bertentangan dengan kepercayaan Islam dilihat beroperasi di Pulau Pinang sekitar tahun 1970 hingga 1990. Hal ini kerana dengan pemerkasaan yang signifikan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam isu membanteras ajaran sesat di Pulau Pinang. Makalah ini membincangkan sejarah ajaran sesat dengan menghuraikan ajaran yang dibawa oleh penggasasnya. Ia diharap menjadi panduan kepada masyarakat masa kini kerana masalah ajaran sesat masih timbul dan ia mengelirukan penganut agama Islam.

Latar Belakang

Masyarakat Pulau Pinang terdiri daripada masyarakat Melayu, Cina, India, Cina Peranakan, Jawi Peranakan, Arab dan India Muslim. Kepelbagaiannya terbentuk hasil migrasi ekoran kemakmuran ekonomi Pulau Pinang.¹ Komposisi masyarakat dan penganut Islam di Pulau Pinang dari 1970 sehingga 1990 adalah seperti berikut;

Jadual 1: Jumlah Penduduk Pulau Pinang, 1970 - 1991

Pulau Pinang	Tahun		
	1970	1980	1991
Populasi ²	775,400	900,772	1,064,166
Masyarakat Islam ³	345,076	495,425	423,400 ⁴
Peratusan Muslim	44.5	55	39.7

Sumber: Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, 2015; Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dalam Laporan Kiraan Permulaan tahun 1980 hingga tahun 2010, hlm 25

Jadual 1 memberikan maklumat berhubung populasi masyarakat Islam di Pulau Pinang sepanjang tempoh kajian ini. Bagaimanapun, jumlah masyarakat Islam pada 1991 adalah berdasarkan kepada jumlah yang dilabelkan sebagai "Melayu" sahaja dan tidak merangkumi etnik lainnya. Penulis tidak menemui maklumat benci yang mengkhususkan kepada agama dalam benci tahun berkenaan.

Terdapat berbagai isu ajaran sesat dalam masyarakat Islam di Pulau Pinang sekitar tahun 1970 sehingga 1990. Perbincangan berhubung ajaran sesat di dalam makalah ini adalah berpandukan kepada takrif ajaran sesat yang diberikan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). MAINPP menyatakan bahawa ajaran sesat merujuk kepada⁵

... sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau orang bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan ajaran Islam; sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dengan ajaran Islam yang

berdasarkan al-Quran dan Sunnah serta juga bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah.

Dengan itu, ajaran sesat di Pulau Pinang merujuk kepada ajaran yang menyimpang dari al-Quran, Sunnah dan ahli Sunnah yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam. Takrifan ini selari dengan pendekatan yang digunakan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang menyatakan bahawa ajaran sesat merupakan ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam berlawanan dengan akidah dan juga syariah Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah walaupun ajaran tersebut didakwa selari dan tidak bertentangan dengan Islam.⁶

Dari sudut sejarahnya kemunculan ajaran sesat di Malaysia dikenalpasti sejak tahun 1950-an.⁷ Kebanyakannya bergerak secara senyap sehingga menyebabkan ia sukar dikesan dan dibanteras oleh pihak berkuasa agama. Kajian berhubung fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) contohnya menunjukkan ajaran sesat berkait rapat dengan amalan khurafat.⁸ Ia jelas dalam perbincangan berhubung beberapa ajaran sesat yang dikesan di Malaysia seperti amalan perbomohan Ibrahim Mat Zin, aktiviti keagamaan di Pulau Besar Melaka dan amalan kebatinan dalam persembahan kesenian tradisional masyarakat Melayu.⁹ Kesan utama dari penularan ajaran sesat adalah berkembangnya amalan atau ideologi yang bercanggah dengan amalan dan kebiasaan masyarakat Islam di Malaysia. Ekoran itu, kebanyakan dianggap menggugat kesejahteraan sosial dalam masyarakat.¹⁰

Salah sebuah daripada ajaran sesat yang terkenal di Pulau Pinang adalah ajaran Taslim yang bermula di Kampung Seronok, Bayan Lepas.¹¹ Ajaran ini juga dikenali sebagai Ajaran Haji Ahmad/Muhammad Matahari. Kajian terdahulu berhubung ajaran sesat mencadangkan beberapa faktor yang mempengaruhi masyarakat Islam untuk menerima ajaran sesat. Ia merujuk kepada penyelewengan dan salah faham terhadap tarekat ekoran dari kejailan masyarakat dalam agama dan bidang tasawuf. Ia juga disebabkan kurangnya keyakinan dan keimanan terhadap al-Quran dan al-Sunnah.¹² Selain itu, keghairahan segelintir masyarakat Islam untuk mengetahui rahsia alam ghaib atau terlalu ghairah untuk mendapat rahsia alam ghaib memberi peluang kepada pembawa ajaran sesat untuk memesongkan mereka. Perkara yang luar biasa yang dianggap menjadi salah satu faktor pembukaan kepada penyelewengan dan juga penyesatan. Ini kerana, golongan ini tidak memahami secara jelas berkenaan hakikat keramat dan kedudukan keramat itu sendiri adalah sesuatu yang tidak penting dalam tasawuf. Selain daripada faktor di atas, amalan tarekat yang salah turut membuka ruang kepada kemunculan ajaran sesat. Amalan tarekat pada dasarnya tidak bertentangan dengan Islam kerana ia berdasarkan ilmu tasawuf yang menjadi satu wadah dalam meghayati pengajaran agama Islam.¹³ Namun demikian, terdapat golongan yang memperkenalkan ajaran sesat dengan menggunakan nama tarekat untuk mengelabui mata pihak luar. Ringkasnya, ajaran sesat berpunca daripada ajaran tarekat yang dimanipulasi oleh golongan tertentu dalam menyebarkan fahaman Islam baru di Pulau Pinang.

Ajaran Sesat Di Pulau Pinang

(i) Ajaran Taslim

Ajaran Taslim atau Ajaran Haji Ahmad wujud di Pulau Pinang pada tahun 1980-an.¹⁴ Ia mula diamalkan oleh pengikutnya di Kampung Seronok, Bayan Lepas.¹⁵ Pihak berkuasa mula mengesan ajaran Taslim pada tahun 1984 walaupun ia mula diamalkan oleh pengikutnya sejak awal 1980. Pengasas Ajaran Taslim adalah Haji Ahmad. Beliau kemudiannya digantikan oleh

individu yang menggunakan nama Syed Ali, tetapi lebih dikenali dalam kalangan pengikutnya sebagai ketua atau khalifah.

Pengikut Ajaran Taslim melakukan upacara penyembahan kepada Haji Ahmad. Upacara penyembahan diadakan untuk mengatasi kesulitan. Upacara penyembahan dijalankan setelah para pengikut membawa kain putih sebanyak lima hasta. Sebaik sahaja mereka menyerahkan kain tersebut kepada ketua/khalifah, mereka akan dikurniakan ijazah. Sebaik sahaja upacara pengurniaan ijazah selesai, khalifah akan menunaikan sembahyang di atas kain putih yang dipersembahkan kepadanya. Dalam masa yang sama, para pengikut Ajaran Taslim akan turut melaksanakan sembahyang. Sembahyang tersebut dilakukan dengan menghadap guru tersebut dan dilaksanakan dengan niat khas untuk masuk tarekat (Ajaran Taslim).¹⁶

Setelah ajaran ini dikesan oleh pihak berkuasa, masyarakat Islam Pulau Pinang tidak dibenarkan untuk mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman ajaran Taslim. Larangan ini menyebabkan semua masyarakat Islam dihalang daripada menjadi ahli, mengetuai atau aktiviti lain yang bertujuan untuk mengembangkan “agama lain”.¹⁷ Walaupun penguatkuasaan Seksyen 3 di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996 dijalankan, namun pengikut ajaran Taslim sukar dihapuskan sepenuhnya dalam masa yang singkat.

Setelah itu, Ajaran Taslim diisyiharkan sebagai ajaran sesat dan dihukumkan haram bagi masyarakat Islam.¹⁸ Di atas perkenan Yang di-Pertuan Agong mengenai Ajaran Taslim, Mufti Pulau Pinang turut mengeluarkan satu fatwa di bawah seksyen 48(3) dan (4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang 2004.¹⁹ Melalui fatwa ini baginda menyatakan bahawa Ajaran Taslim di Pulau Pinang didapati menyeleweng daripada ajaran agama Islam yang sebenar.

Warta Kerajaan yang diterbitkan pada 2010²⁰ menyenaraikan 17 perkara yang menyebabkan ajaran tersebut dianggap menyimpang daripada ajaran Islam yang sebenar. Antaranya menganggap dirinya sebagai pengganti Rasulullah, bersifat maksum, menolak beberapa perkara penting dalam Islam (seperti al-Quran, beberapa hadis, solat fardhu, solat jumaat, peristiwa Isra’mikraj, syurga dan neraka, hari akhirat). Ajaran Taslim membawa fahaman dan ibadat yang berbeza daripada saranan Islam seperti melaksanakan haji dengan mendaki Bukit Payong Pulau Pinang dan mengharuskan perzinaan serta nikah batin. Ajaran Taslim juga mengeksplorasi pengikutnya kerana ia meminta pengikut menyerahkan anak, isteri dan harta mereka kepada pengasasnya.

Pengikut Ajaran Taslim mempunyai persatuhan tersendiri bagi menjamin kedudukan ekonomi penganutnya.²¹ Oleh itu, sekumpulan daripada masyarakat Islam di Pulau Pinang yang mempunyai kesulitan ekonomi dan latar belakang kewangan yang rendah mudah terpengaruh dengan Iktikad Ajaran Taslim. Mereka berkeyakinan bahawa penyertaan dalam Ajaran Taslim menjamin kehidupan yang lebih baik.

Faktor lain yang menyebabkan masyarakat mudah terpengaruh adalah isi pengajaran yang dibawa oleh Syed Ali. Intipati pengajaran beliau yang membenarkan pengikutnya mengabaikan tanggungjawab agama iaitu 17 perkara yang dinyatakan di atas. Ia dianggap satu kemudahan oleh para pengikut Ajaran Taslim dan menyebabkan mereka teruja untuk menjadi sebahagian daripada pengikut ajaran berkenaan. Ekoran itu Ajaran taslim berjaya mempunyai pengikut yang ramai bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi di seluruh Malaysia.

Ajaran Tebus Dosa (ATD)

ATD adalah ajaran sesat yang dipelopori oleh Mohd Zain bin Nayan atau Din bin Nayan.²² Mohd Zain bin Nayan berusia 34 tahun dan tinggal di kampung Kebun Sireh, Bukit Mertajam.²³ Beliau mempunyai isteri dan dua orang anak, namun begitu, beliau tidak mempunyai pekerjaan yang tetap.²⁴ Selaku ketua kepada ATD Mohd Zain menganggap dirinya sebagai wakil atau orang yang suci kerana pernah bersembahyang dengan berimamkan Rasulullah.²⁵ Seterusnya, Mohd Zain menyatakan bahawa selesai dari solat tersebut, beliau telah naik ke langit dan berkesempatan berjumpa dengan isteri dan juga anak-anaknya.²⁶

ATD bermula pada 1972 dan bertahan selama lapan tahun. Ia bermula di kampung Mohd Zain di Kebun Sireh dan kemudiannya merebak ke kawasan lain seperti Jalan Abdul Kadir, Perumahan Klinik Desa dan sekitar Bukit Mertajam. Din Nayan mempunyai seorang pembantu kanan yang dikenali sebagai Tok Harun iaitu bekas Koperal Polis yang berusia 60 tahun.^{27 28} Mohd Zain dan pembantu kanan beliau sering bekerjasama dalam usaha mengembangkan ATD. MAINPP menganggarkan terdapat 50 hingga 60 orang yang menjadi pengikut kepada ajaran ini.²⁹ Jumlah sebenar tidak dapat dikesan dengan tepat kerana ATD bergerak secara senyap.

ATD dianggap menyimpang daripada ajaran Islam yang sebenar kerana pengikutnya menganggap Mohd Zain sebagai orang yang suci. Dakwaan ini berdasarkan kepada pengakuannya yang menyatakan beliau menerima wahyu secara langsung daripada Jibril. Bahkan, Mohd Zain menyatakan bahawa beliau khatam al-Quran juga di bawah pengawasan malaikat Jibril. ATD juga percaya bahawa al-Quran yang asal mempunyai 60 juzuk namun hanya berbaki 30 juzuk sahaja disebabkan al-Quran kerana sebahagiannya telah disambar oleh syaitan.³⁰ Dakwaaan ini jelas menunjukkan bahawa ATD mempunyai tanggapan bahawa al-Quran yang ada hari ini tidak lengkap dan ia bertentangan dengan ajaran Islam yang menyakini bahawa ia adalah wahyu yang sempurna. Selain itu, ajaran ini dianggap sesat kerana ATD menggunakan sihir untuk mendapatkan kekayaan tanpa perlu berusaha ataupun bekerja.

Menurut MAINPP, ATD juga diisyiharkan sebagai sesat kerana pengajaran serta cara penyampaian yang dibawa oleh ajaran ini bercanggah dengan ajaran Islam. Tambahan pula Mohd Zain meminta pengikutnya untuk mematuhi dengan taat semua ajaran yang disampaikannya. ATD juga sesat kerana ia membawa hukum hakam baharu yang berbeza daripada yang dijelaskan dengan terperinci di dalam syariah Islam. Ini jelas di dalam perintah Mohd Zain kepada pengikutnya yang melakukan dosa. Menurutnya, setiap kesalahan atau dosa besar yang dilakukan boleh dibayar dengan dam (denda). Misalnya, setiap kali menunaikan solat dikenakan dam dan pengikutnya dikehendaki menyucikan diri sekali dalam sebulan.³¹ Ia menjadi sesuatu yang menarik kepada pengikutnya kerana ATD menyediakan jalan mudah bagi mendapatkan keampunan Allah.

Pengikut ATD di Pulau Pinang tertarik dan terpengaruh dengan cara untuk menghapuskan atau menebus dosa kerana mencari jalan mudah untuk bertaubat kerana hanya perlu membayar denda. Ia lebih mudah berbanding kaedah taubat yang sebenar mengikut ajaran Islam. Cara tebus dosa yang disampaikan oleh Mohd Zain menyebabkan yang terpengaruh tanpa memikirkan kesan dan akibatnya.³²

Tuntasnya, ATD ini menjadi salah satu isu berkaitan akidah di Pulau Pinang kerana ajaran ini menyebabkan masyarakat Islam mengamalkan ajaran menyimpang seperti pembayaran dam jika melakukan dosa.

Ajaran Baru ‘Crypto’ (ABC)

ABC dikesan pada akhir tahun 1977 dan bermula di Jelutong Timur, Pulau Pinang.³³ Pengasas atau ketua bagi ABC ini adalah Mokhtar Hassan. Ketika ajaran ini mula dikesan, Mokhtar Hassan tinggal di Jelutong Timur, berumur dalam lingkungan antara 35 hingga 40 tahun. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan memperoleh tiga orang anak.³⁴ Beliau ini tidak mempunyai sebarang pekerjaan yang tetap.³⁵

ABC menggabungkan agama Islam dan Kristian. Ajaran Islam yang diselewengkan adalah dakwaaan bahawa terdapat tiga juzuk Al-Quran yang sebenarnya diturunkan dalam bahasa Inggeris.³⁶ Penyataan bahawa al-Quran diturunkan dalam Bahasa Inggeris ini didorong oleh kecenderungan Mokhtar yang ingin memperlihatkan persamaan di antara Quran dan *bible*. Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) juga melaporkan bahawa ABC bersanggahan dengan ajaran Islam yang sebenar. Antaranya pengikut ajaran ini tidak perlu menunaikan solat. Penyataan ini bercanggah dengan ajaran Islam yang menyatakan solat sebagai tiang agama. Seterusnya, ABC menolak kitab suci Al-Quran dan tidak menerima penggunaan Hadis nabi sebagai asas kepada ajaran Islam. Beliau menganggap Quran yang wujud sekarang masih tidak lengkap kerana tiga juzuk Al-Quran akan turun dalam bahasa Inggeris pada masa akan datang.³⁷

Mokhtar sebagai pengasas ABC menyatakan bahawa beliau telah menerima wahyu baharu daripada Allah yang berbeza dengan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad. Beliau turut mendakwa bahawa telah menerima sembahyang yang ditunaikan oleh Nabi IsaTuntasnya, isi pengajaran yang dibawa oleh ajaran ini tidak masuk akal namun terdapat juga segelintir masyarakat yang telah terpengaruh oleh ajaran sesat ini disebabkan ingin mengambil jalan yang mudah terutamanya dalam beribadah. Ini kerana, ajaran ini mengarahkan kepada pengikutnya untuk tidak perlu melaksanakan sembahyang yang berbeza dengan ajaran Islam. ABC menekankan kepada ajaran Kristian yang diubah dan dipinda mengikut kehendak Mokhtar sendiri. Beliau melakukan perubahan tersebut kerana mendakwa bahawa dirinya adalah Nabi Isa. Selain itu, Mokhtar juga mendakwa para pengikutnya sebagai Imam Mahdi yang dinantikan.³⁸

Mokhtar Hassan menyebarkan ABC di Pulau Pinang yang mana terdapat dua daerah yang menjadi sasaran utama beliau iaitu Jelutong Timur dan Sungai Nibong.³⁹ Sepanjang tempoh kajian ini, jumlah pengikut tertinggi adalah seramai 200 orang.⁴⁰ Penyebaran ABC dilakukan dengan pelbagai cara. Salah satu medium yang digunakan adalah melalui ilmu pertahanan diri. Mokhtar Hassan mempelopori satu kumpulan seni silat dan memberi ijazah dengan memberikan minuman air jampi kepada pengikutnya. Selain itu, beliau menggunakan sihir dengan mengeluarkan api melalui jari bagi menunjukkan kehebatan dirinya dengan tujuan untuk menarik pengikut baharu. Mokhtar juga menggunakan jampi serapah untuk mengubat penyakit individu yang berjumpa dengannya. Selain daripada membina aura yang berprestij melalui ilmu persilatan, sihir dan bomoh, Mokhtar turut menggunakan pita perakam dan risalah bercetak yang diedarkan secara sulit untuk memperkenalkan ajarannya kepada masyarakat awam.⁴¹ Pedekatan beliau menyebabkan ABC diterima oleh segelintir masyarakat Islam di Pulau Pinang. Penyebaran ABC turut didorong oleh kegigihan para pembantu kanan Mokhtar Hassan mencari pengikut baharu.⁴²

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan telah mengenakan tindakan undang-undang ke atas ajaran ini bagi mengelakkan berlakunya keruntuan akidah dalam kalangan masyarakat Islam di Pulau Pinang.

Tarekat Roket dan Kursus Hakikat

Salah satu dari penyelewengan tarekat yang berlaku di Pulau Pinang kemunculan sebuah tarekat yang dikenali sebagai Tarekat Roket dan Kursus Hakikat (TRKH) pada tahun 1973. Penyebaran ajaran TRKH dilakukan secara sulit di tempat tertentu dan masa yang rawak.⁴³ Sehubungan itu ia hanya terhad di Jelutong sahaja. Jumlah pengikutnya hanya berjumlah 20 orang dan empat orang daripada mereka memutuskan untuk keluar daripada ajaran tersebut. Walaupun mempunyai jumlah pengikut yang kecil, TRKH bertahan selama lebih kurang lima tahun iaitu bermula pada 1973 sehingga 1978.⁴⁴

TRKH bermula dan berkembang hanya di satu lokasi sahaja iaitu di Jalan Kurau Jelutong, Pulau Pinang. Ia dimulakan oleh Ismail Mat Zain atau lebih dikenali sebagai Islam Mat Zain berusia 50 tahun ketika itu. Dari sudut latar belakang, Ismail Mat Zain bekerja sebagai kapten kapal kargo. Tuntutan tugas menyebabkan beliau sering berulang dari Pulau Pinang ke Malaysia Timur, Singapura, Thailand dan Indonesia. Beliau dianggap sebagai seorang yang mempunyai imej dan kedudukan sosial yang baik kerana pangkatnya sebagai kapten kapal tersebut.

Ismail membina aura dalam kalangan pengikutnya dengan menggunakan dakwaan yang melampaui kebiasaan manusia biasa. Antaranya, beliau menyatakan bahawa beliau pernah bertemu dengan malaikh Jibril. Beliau semakin dipandang tinggi apabila mendakwa bahawa beliau pernah bertemu sendiri dengan malaikat Jibril.⁴⁵ Ia bukanlah dakwaan yang dianggap asing kerana beliau turut memaklumkan kepada pengikutnya tentang kebolehan beliau untuk berhubung dengan tuhan bagi mendapatkan perintah baharu. Dengan itu, Ismail mendakwa bahawa ajaran TRKH dipimpin oleh Allah S.W.T.

Ajaran TRKH juga menolak al-Quran. Ini kerana Ismail menyakinkan pengikutnya bahawa al-Quran sudah lapuk dan semua ajaran di dalam TRKH tidak mempunyai sebarang kaitan dengan al-Quran.⁴⁶ Namun begitu, Ismail mengakui bahawa beliau mempunyai pengetahuan yang luas tentang al-Quran kerana segala rahsia yang terdapat di dalam ayat Quran itu berada di dalam pengetahuannya.

Nilai dan sifat terpuji yang dituntut di dalam Islam seperti sifat sabar turut diterapkan di dalam ajaran ini. Namun begitu, fahaman dan amalan yang dikaitkan dengan sifat sabar adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Misalnya, ajaran ini mengajarkan supaya pengikutnya berpegang kepada nilai kesabaran jika mendapati isteri mereka melakukan zina dengan menganggapnya sebagai ujian daripada tuhan. Selain itu, TRKH juga menerima bahawa riba tidak diperakui dalam agama Islam. Namun begitu, mereka mencipta jalan keluar dengan menyatakan bahawa wang riba boleh diniatkan sebagai ganjaran, hadiah atau saguhati kepada penerimanya. Jelasnya ajaran Islam dalam TRKH adalah menyimpang dari fahaman yang sebenar.

Ajaran Tarekat Baru

Ajaran Tarekat Baru (ATB) merupakan ajaran tarekat yang menyeleweng dan dikembangkan di Kg. Pertama, Bukit Mertajam sejak awal tahun 1978.⁴⁷ Pengasas ajaran ini merupakan seorang warganegara Singapura yang dikenali sebagai Din Abdul Razak.⁴⁸ Beliau dilahirkan di Bagan Ajam Butterworth namun kemudiannya berpindah ke Singapura. Semasa menyebarkan ATB di Pulau Pinang, Din berumur 50 tahun, telah berkahwin dan mempunyai seorang anak.

Faktor perkembangan ATB adalah melalui cara penyampaian dakwah dan tempat perkembangannya.⁴⁹ Din Abdul Razak menyebarkan ATB melalui syarahan dan mengajar agama tanpa menggunakan sebarang kitab dua kali sebulan selepas solat Isyak. Beliau juga membuka sesi soal jawab untuk berinteraksi dengan jemaah yang hadir. ATB diterima penduduk sekitar kawasan Kampung Pertama, Bukit Mertajam. Selain daripada ceramah terbuka di masjid, Din Abdul Razak juga bergerak secara sulit untuk mendekati individu yang disasarkan sebagai pengikutnya. Jumlah pengikutnya yang dianggarkan berjumlah 20 orang, dan terdapat sebahagian daripada mereka yang berpendidikan seperti para guru dan Majistret.⁵⁰

Fahaman agama ATB menyimpang daripada Islam yang sebenar. Din Abdul Razak menyatakan bahawa tuhan mempunyai dua mani iaitu hitam dan putih. Ajarannya dikaitkan dengan fahaman Nur Muhamad kerana beliau mendakwa mani tuhan yang bewarna putih bertukar menjadi Nur Muhamad sementara mani hitam dijadikan sebagai langit.⁵¹ Selain itu, ATB menolak kewibawaan penganut Islam yang berada di luar ajaran tersebut. Sehubungan itu, ATB menyatakan bahawa hanya Din Abdul Razak yang layak dan mampu menjadi imam di Pulau Pinang. ATB juga mempunyai kaedah ibadat yang dicipta khusus. Misalnya, mereka percaya bahawa semasa bertakbir di dalam solat, kekehysukan hanya akan muncul jika membayangkan rupa dan wajah ketua mereka – Din Abdul Razak. Selain itu, amalan zikir yang dipraktiskan juga berbeza kerana mereka berzikir menggunakan bacaan yang diperolehi melalui ilham dan wahyu yang diturunkan Allah kepada Din Abdul Razak secara terus.

Tindakan Ke Atas Ajaran Sesat

Pemberantasan serta tindakan pihak berwajib mengatasi isu ajaran sesat ini dijalankan melalui dua cara utama iaitu tindakan penguatkuasaan dan perbincangan yang bermotifkan dakwah. Pihak berkuasa menyemarakkan usaha dakwah namun menerusi pelbagai medium dan perancangan di segenap peringkat. Namun, masih terdapat golongan yang berjaya menembusi golongan sasaran, terutama menerusi kaedah dan pendekatan seperti bomoh dan rawatan tradisional, tarekat dan pengajaran tertentu serta pemujaan dan amalan khurafat.⁵² Usaha keras yang dilakukan oleh pihak kerajaan kerana impak daripada ajaran sesat bukan sahaja terkesan kepada individu yang terlibat malah memberi kesan kepada anggota masyarakat.

Tindakan kedua adalah melalui kaedah perundangan. Penguatkuasaan undang-undang dikenakan kepada pengikut Ajaran Taslim. Pihak yang terlibat sebagai tenaga penggerak utama adalah Sheikh Mohsein Haji Salleh (Mufti Wilayah Persekutuan).⁵³ Beliau melakukan penyiasatan dan menggerakkan tindakan mahkamah bagi membanteras ajaran ini.⁵⁴ Seterusnya Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang Dato' Haji Hassan Bin Haji Ahmad mengeluarkan enakmen yang mengisyitiharkan kesesatan Ajaran Taslim. Enakmen tersebut dikenali sebagai Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) pada tahun 2004 iaitu fatwa di bawah seksyen 48(3) dan (4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.⁵⁵ Enakmen ini menyatakan kesesatan Ajaran Taslim dan melarang penganut Islam daripada beramal dengannya.⁵⁶ Terdapat sedikit kelewatan dalam menangani Ajaran Taslim, namun penguatkuasaan undang-undang berkenaan perlu bagi memastikan ia tidak berkembang di Pulau Pinang.

Pengikut ajaran sesat ABC juga dikenakan tindakan berpandukan penyiasatan awal yang dilakukan oleh Pejabat Agama, Pulau Pinang pada bulan November 1977.⁵⁷ Setelah siasatan mengesahkan bahawa ABC sememangnya ajaran sesat dan sedang berkembang, maka penangkapan dilakukan. Ketua ABC iaitu Mokhtar bertindak melarikan diri. Namun begitu,

setelah beberapa Mokhtar ditangkap di Selayang, Selangor pada 31 Julai 1978. Mokhtar dikenakan hukuman penjara selama 80 hari.⁵⁸

Selain itu, pengikut tarekat yang menyimpang dikenakan tindakan dengan dihadapkan ke mahkamah. TRKH sebagai contohnya mula diambil tindakan sebaik sahaja penyelewengan mereka dilaporkan oleh bekas pengikut ajaran tersebut yang dibuang oleh Ismail Mat Zain.⁵⁹ Sementara itu, pengikut ATB dihadapkan ke Mahkamah Kadi Daerah, Bukit Mertajam di bawah tuduhan Seksyen 157 (1) yang menyatakan;⁶⁰

“Barangsiapa yang bertanggungjawab melaporkan atau dikehendaki menghantarkan permohonan di bawah peruntukan Enakmen ini kepada Pendaftar dengan semata-mata lalai atau tidak membuat demikian itu hendaklah didenda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada 3 bulan.”

Enakmen di atas menyatakan bahwa sesiapa yang memiliki maklumat berkaitan dengan ajaran sesat dikehendaki melaporkan kepada pihak mahkamah dan individu yang terlibat dalam ajaran sesat tersebut akan didenda mengikut arahan mahkamah iaitu tidak lebih daripada RM500 atau penjara tidak lebih dari tiga bulan.

Pengasas ATB, Din Abdul Razak dikenakan denda RM150 atau dipenjara selama lima belas hari. Beliau telah membayar denda tersebut pada 17 Jun 1978.⁶¹ Namun begitu, selepas selesai hukuman berkenaan, Din Abdul Razak dihadapkan sekali lagi ke Mahkamah Kadi Besar pada 20 Jun 1978. Beliau dituduh di bawah Seksyen 158 (Ajaran Salah) memutuskan bahawa Din didapati bersalah dan didenda sebanyak RM200 atau dipenjara selama dua bulan.⁶² Sama seperti sebelumnya, Din Abdul Razak memilih untuk membayar denda daripada dipenjara dan melangsikan bayaran denda pada tahun yang sama. Bagaimanapun, tindakan mahkamah terhadapnya tidak memberikan sebarang kesan. Ini kerana, bekas pengikutnya membuat laporan tentang salahlakunya pada 1980.⁶³ Bagaimanapun, tindakan mahkamah tidak dapat disempurnakan kerana pengadu meninggal dunia.⁶⁴ Bagaimanapun, mahkamah kemudiannya memutuskan untuk mengenakan tuduhan kepada Din Abdul di bawah Seksyen 3 di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996;⁶⁵

“Mana-mana orang yang memuja alam semula jadi atau melakukan apa-apa perbuatan yang menunjukkan pemujaan atau rasa hormat kepada mana-mana orang, binatang, tempat atau benda dengan apa-apa cara yang menyalahi Hukum Syara’ adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya.”

Justeru, tindakan terhadap ajaran sesat lebih kepada unsur perundangan berbanding tindakan seperti dakwah dan sebagainya. Namun enakmen perundangan dibentuk dan digubal secara lengkap pada 1997 dan 2004. Hal ini memberikan kesukaran untuk beberapa ajaran sesat unutuk dikenakan tindakan mahkamah. Walau bagaimanapun kemunculan isu ajaran sesat ini memberi kesan positif terhadap perundangan syariah di Pulau Pinang dengan penguatkuasaan yang lebih jelas.⁶⁶ Hasilnya, ajaran sesat menjadi salah satu isu masyarakat Islam di Pulau Pinang yang telah berjaya diambil tindakan oleh pihak yang berwajib seperti Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) melalui enakmen yang telah diwartakan untuk menangani isu ini.

Kesimpulan

Perbincangan di atas menunjukkan terdapat beberapa ajaran sesat yang bertapak di Pulau Pinang sepanjang 1970-1990. Secara umumnya semua ajaran sesat ini menyasarkan golongan yang tidak memahami Islam dengan mendalam. Ini kerana ajaran yang dibawa adalah bertentangan dengan Islam dan tidak dapat diterima jika diukur dengan rasional akal yang waras. Tokoh yang memperkenalkan ajaran sesat menggunakan ajaran baharu untuk mendapatkan manfaat bagi diri mereka. Tindakan yang diambil berkesan untuk mengekang ajaran sesat daripada terus berkembang. Namun, hukuman yang dikenakan adalah minima dan tidak begitu setimpal dengan kerosakan yang mereka bawa kepada agama dan perkembangan sosial masyarakat Islam di Pulau Pinang.

Penghargaan

Makalah ini merupakan sebahagian daripada Latihan Ilmiah yang dikemukakan kepada Jabatan Sejarah, UPSI. Penulis ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih atas cadangan dan galakan daripada pihak editor MUNSYI Jurnal Pengajian Sejarah yang memungkinkan penerbitan makalah ini.

Bibliografi

- 1995/0010818, Sheikh Mohsein Haji Salleh. *Laporan I'tikat Ajaran Taslim, T.T*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- 1998/0031752, Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Ke 19, 6 Oktober 1987 Bil. 6/19/87 – *Garis Panduan Mengenai Khurafat*, hlm. 2.
- 2013/0017968, Warta Kerajaan Negeri Sembilan. Tambahan No. 12 Perundangan, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 66(23), 2003.
- Ahmad Syahir Ahmad Nzly & Aini RaudhahRoslam, (2024). Sejarah ajaran sesat di Malaysia: Analisis terhadap faktor-faktor kemunculan dan langkah-langkah menangani. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 2, 132-143. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2024.2.9>
- Azmah Abd Manaf. Ajaran Taslim: Manifestasi Krisis Kepercayaan Masyarakat Melayu. 2017, Persidangan Nasional Sejarah Dan Sejarawan Malaysia 2017 Memperkasa Sejarah Nasional Dalam Melestarikan Pembangunan Negara. Universiti Sains Malaysia, pp. 94-115.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2000, JMNPP/(S)/19/1101/001(16); PUNPP 152.100.1/2/2 Jld. 2 <https://mufti.penang.gov.my/index.php/en/2014-11-12-02-48-39/fatwa/warta/393-ajaran-taslim-atau-ajaran-hj-ahmad-muhammad-matahari-9-disember-2010/file>
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996. Bahagian II – Kesalahan yang berhubung dengan ‘Aqidah’, Seksyen 3: Pemujaan Salah. 1996.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1978. Bahagian 8 – Kesalahan-kesalahan. Portal Esyariah Government.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1978. Bahagian 8 – Kesalahan-kesalahan. Portal Esyariah Government.
- Halimah Mohd Said & Zainab Abdul Majid. *Images of The Jawi Peranakan of Penang: Assimilation of The Jawi Peranakan Community into The Malay Society*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2004
- Jabatan Perangkaan Malaysia: *Laporan Kiraan Permulaan tahun 1980 hingga tahun 2010*,
- Jasni bin Sulong. *Pemeliharaan Akidah Islam: Analisis Daripada Sudut Penguatkuasaan Undang-Undang Dan Fatwa Di Pulau Pinang*, 2016
- Jumlah berdasarkan kepada banci yang dikelaskan kepada “melayu” [Population Table: States | data.gov.my](https://population-table.states.data.gov.my)
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). *Ajaran Sesat: Merungkai Kekusutan dan Kecelaruan*. Selangor Darul Ehsan, 2015.
- Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Kesepuluh, 2015, Portal Rasmi: https://adun.penang.gov.my/soalan/displayportal?soal_id=4075&pers_id=5
- Mohd Kamel Mat Salleh, Muhammad Firdaus Abdul Manaf & Mohd. Asyran Safwan Kamaruzaman, Unsur Khurafat Dalam Ajaran Sesat di Malaysia: Analisis Pandangan Hukum Jawatankuaza Muzakarah Majlis

Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 26(2), 2015.

Muhammad Asyraf Mohd Azlin & Faudzinain Badarudin. Tahap Pengetahuan Masyarakat Terhadap Tarekat di Negeri Sembilan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2(2), 2019, hlm. 31.

Teks Khutbah Jumaat Terkini Jauhi Ajaran Sesat Untuk Bacaan 4 Oktober 2024M/ 1 Rabiul Akhir 1446H [index.php](#)

Warta Kerajaan Pulau Pinang. *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang)* 2004, 54(25), 2010.

Warta Kerajaan Pulau Pinang. *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang)* 2004, 54(25), 2010.

Warta Kerajaan Pulau Pinang. *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang)* 2004, 54(25), 2010.

¹ Halimah Mohd Said & Zainab Abdul Majid. *Images of The Jawi Peranakan of Penang: Assimilation of The Jawi Peranakan Community into The Malay Society*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2004, hlm. 4.

² Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Kesepuluh, 2015, Portal Rasmi: https://adun.penang.gov.my/soalan/displayportal?soal_id=4075&pers_id=5

³ Jabatan Perangkaan Malaysia: *Laporan Kiraan Permulaan tahun 1980 hingga tahun 2010*, hlm 25.

⁴ Jumlah berasaskan kepada banci yang dikelaskan kepada “melayu” [Population Table: States | data.gov.my](#)

⁵ Teks Khutbah Jumaat Terkini Jauhi Ajaran Sesat Untuk Bacaan 4 Oktober 2024M/ 1 Rabiul Akhir 1446H [index.php](#)

⁶ Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). *Ajaran Sesat: Merungkai Kekusutan dan Kecelaruan*. Selangor Darul Ehsan, 2015, hlm. 6.

⁷ Ibid.

⁸ Mohd Kamel Mat Salleh, Muhammad Firdaus Abdul Manaf & Mohd. Asyran Safwan Kamaruzaman, Unsur Khurafat Dalam Ajaran Sesat di Malaysia: Analisis Pandangan Hukum Jawatankuaza Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 26(2), 2015. hlm. 146

⁹ Ibid

¹⁰ Ahmad Syahir Ahamad Nzly & Aini RaudhahRoslam, (2024). Sejarah ajaran sesat di Malaysia: Analisis terhadap faktor-faktor kemunculan dan langkah-langkah menangani. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 2, 132-143. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2024.2.9>

¹¹ Jasni bin Sulong. *Pemeliharaan Akidah Islam: Analisis Daripada Sudut Penguatkuasaan Undang-Undang Dan Fatwa Di Pulau Pinang*, 2016; Azmah Abd Manaf. *Ajaran Taslim: Manifestasi Krisis Kepercayaan Masyarakat Melayu*. 2017

¹² Muhammad Asyraf Mohd Azlin & Faudzinain Badarudin. Tahap Pengetahuan Masyarakat Terhadap Tarekat di Negeri Sembilan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2(2), 2019, hlm. 31.

¹³ Muhammad Asyraf Mohd Azlin & Faudzinain Badarudin. Tahap Pengetahuan Masyarakat ... hlm. 29.

¹⁴ Warta Kerajaan Pulau Pinang. *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang)* 2004, 54(25), 2010.

¹⁵ 1995/0010818, Sheikh Mohsein Haji Salleh. *Laporan I'tikat Ajaran Taslim*, T.T, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

¹⁶ Ibid

¹⁷ 2013/0017968, Warta Kerajaan Negeri Sembilan. Tambahan No. 12 Perundangan, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 66(23), 2003.

¹⁸ Ibid

¹⁹ Warta Kerajaan Pulau Pinang. *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang)* 2004, 54(25), 2010.

²⁰ [JMNPP/(S)/19/1101/001(16); PUNPP 152.100.1/2/2 Jld. 2 [file](#)

²¹ 1995/0010818, Sheikh Mohsein Haji Salleh. *Laporan I'tikat Ajaran Taslim*, T.T, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

²² Ibid.

²³ Ibid.

²⁴ Ibid.

²⁵ Ibid..

²⁶ Ibid..

²⁷ Ibid..

²⁸ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996. Bahagian II – Kesalahan yang berhubung dengan ‘Aqidah’, Seksyen 3: Pemujaan Salah. 1996.

²⁹ Ibid.

³⁰ Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1978. Bahagian 8 – Kesalahan-kesalahan. Portal Esyariah Government.

³¹ 1995/0010818, Sheikh Mohsein Haji Salleh. *Laporan I'tikat Ajaran Taslim, T.T*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

³² *Ibid.*

³³ *Ibid.*

³⁴ *Ibid.*

³⁵ *Ibid.*

³⁶ *Ibid.*

³⁷ *Ibid.*

³⁸ *Ibid.*

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996. Bahagian II – Kesalahan yang berhubung dengan ‘Aqidah’, Seksyen 3: Pemujaan Salah. 1996.

⁴² Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996. Bahagian II – Kesalahan yang berhubung dengan ‘Aqidah’, Seksyen 3: Pemujaan Salah. 1996.

⁴³ 1995/0010818, Sheikh Mohsein Haji Salleh. *Laporan I'tikat Ajaran Taslim, T.T*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ *Ibid.*

⁴⁶ Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1978. Bahagian 8 – Kesalahan-kesalahan. Portal Esyariah Government.

⁴⁷ *Ibid.*

⁴⁸ 1995/0010818, Sheikh Mohsein Haji Salleh. *Laporan I'tikat Ajaran Taslim, T.T*.

⁴⁹ Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1978. Bahagian 8 – Kesalahan-kesalahan. Portal Esyariah Government.

⁵⁰ 1995/0010818, Sheikh Mohsein Haji Salleh. Laporan I'tikat Ajaran Taslim, T.T, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

⁵¹ *Ibid.*

⁵² 1998/0031752, Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Ke 19, 6 Oktober 1987 Bil. 6/19/87 – *Garis Panduan Mengenai Khurafat*, hlm. 2.

⁵³ *Ibid*

⁵⁴ 1995/0010818, Sheikh Mohsein Haji Salleh. *Laporan I'tikat Ajaran Taslim, T.T*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

⁵⁵ Warta Kerajaan Pulau Pinang. *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004*, 54(25), 2010.

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ *Ibid.*

⁵⁸ 1995/0010818, Sheikh Mohsein Haji Salleh. *Laporan I'tikat Ajaran Taslim, T.T*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia..

⁵⁹ *Ibid*

⁶⁰ Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1978. Bahagian 8 – Kesalahan-kesalahan. Portal Esyariah Government.

⁶¹ 1995/0010818, Sheikh Mohsein Haji Salleh. *Laporan I'tikat Ajaran Taslim, T.T*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

⁶² *Ibid.*

⁶³ *Ibid*

⁶⁴ Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1978. Bahagian 8 – Kesalahan-kesalahan. Portal Esyariah Government.

⁶⁵ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996. Bahagian II – Kesalahan yang berhubung dengan ‘Aqidah’, Seksyen 3: Pemujaan Salah. 1996.

⁶⁶ *Ibid*